

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

28 Julai, 1981

— P.M. China dijangka runding dengan Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin
— Perdana Menteri China,
Encik Zhao Ziyang yang akan tiba di sini
Ogos ini, dijangka mengadakan 'pertemuan
empat mata' dengan Datuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad bagi membincangkan isu-isu kepen-
tingan bersama.

Seorang jurucakap di
Jabatan Perdana Menteri ketika diminta
mengulas perkara tersebut hari ini, berkata
isu politik dan hubungan
dua hala berkemungkinan besar men-
dahului agenda lain di
perbincangan berkenaan.

Encik Zhao memulakan kunjungan
rasminya ke Malaysia
tiga hari, 9 Ogos ini.
Bellau mungkin diiringi
oleh Menteri Luar Encik
Huang Hua serta
pegawai-pegawai kanan
berkaitan dengan per-
dagangan dan per-
industrian.

Jurucakap Jabatan
Perdana Menteri juga
meramalkan Encik Zhao
akan mengadakan per-
bincangan lebih terperinci
mengenai isu politik
dengan Datuk Seri Dr.
Mahathir. Timbalannya
merangkap Menteri Da-
lam Negeri Datuk Musa
Hitam dan Menteri Luar
Negeri Tan Sri Ghazali
Shafie.

Encik Zhao ber-
kunjung ke Malaysia atas
permintaan negaranya.